



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2024

BAHASA MELAYU
Kertas 3
30 minit
TINGKATAN 5

1103/3

SET 2

NASKHAH CALON

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 4 petikan.*
 - 2. Jawab semua soalan.*
-

ITEM INDIVIDU 1

TEMA: KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Keselamatan Makanan



Keracunan makanan merupakan penyakit yang disebabkan oleh pengambilan makanan atau minuman yang tercemar oleh toksin yang terhasil daripada bakteria, virus, atau parasit. Kes keracunan makanan ini tidak boleh dipandang remeh kerana ianya boleh menyebabkan pelbagai komplikasi kesihatan dan seterusnya mengancam nyawa. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius mengenai kes keracunan makanan dan telah berkongsi infografik supaya masyarakat dapat mengamalkan lima kunci keselamatan makanan seterusnya mengelakkan daripada menghadapi keracunan makanan. Tips yang dikongsikan KKM ini sangat berguna bagi memastikan makanan yang disediakan adalah bersih dan selamat untuk dimakan. Masyarakat diingatkan agar mengamalkan konsep Lihat, Hidu dan Rasa. Kita juga hendaklah mengelakkan makan makanan yang telah rosak.

Dipetik dan diubahsuai daripada,
 “Lima Kunci Keselamatan Makanan”,
 ”Majlis Keselamatan Negara, 6 April 2022.

ITEM KUMPULAN 1**TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**

Terdapat pelbagai usaha boleh dilakukan untuk memperkenalkan makanan tradisional kepada generasi muda.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 2

TEMA: EKONOMI , KEUSAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Perkhidmatan e-hailing di Malaysia



Kerajaan menerusi syarikat berkaitan miliknya (GLC) perlu membangunkan aplikasi e-hailing yang dikuasai sepenuhnya oleh pentadbiran negara bagi menyelesaikan isu ketidaktentuan penawaran harga dihadapi penumpang dan pemandu perkhidmatan tersebut. Usaha lain yang perlu dibuat ialah penyelarasan perbezaan pentakrifan dan peraturan antara dua penyedia perkhidmatan yang sama iaitu teksi dan e-hailing. kerajaan dijangka dapat menyelamatkan berbilion ringgit wang hasil daripada sektor perkhidmatan tersebut daripada dibawa keluar oleh syarikat luar untuk digunakan bagi menjaga kebajikan pemandu dan menaik taraf industri teksi negara. Persoalannya, sampai bilakah kerajaan akan membiarkan masalah ini berterusan dan kerajaan manakah yang akan menggunakan pakai cadangan kami dan menyelesaikan masalah ini demi kesejahteraan rakyat? Beberapa pengguna e-hailing baru-baru ini melahirkan kekecewaan mereka di sosial media terhadap perkhidmatan tersebut kerana dilihat menawarkan harga perkhidmatan agak tinggi berbanding sebelum ini.

Dipetik dan diubahsuai daripada

“Kerajaan perlu bangunkan aplikasi e-hailing tangani isu harga”,

Mohammad Amnan Ibrahim, *Sinar Harian*, 14 Mei 2022.

ITEM KUMPULAN 2**TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

Amalan kitar semula mempunyai banyak manfaat.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 3**TEMA: SUKAN DAN REKREASI**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Bersenam 150 minit

Bersenam 150 minit seminggu dengan kekerapan lima atau enam kali seminggu berupaya mengekalkan kecergasan dan meningkatkan kesihatan kardiovaskular. Senaman berintensiti sederhana wajar dimulakan memanaskan badan menerusi sesi regangan bagi menyejukkan badan. Saranan kerajaan menggalakkan senaman 15 minit memberi peluang kepada individu melakukan separuh daripada keperluan bagi melahirkan masyarakat lebih sihat dan cergas. Usaha ini ke arah menggalakkan gaya hidup aktif berikutan Kajian Morbiditi Kebangsaan 2015, mendapati lebih 40 peratus golongan dewasa tidak aktif dan kurang bersenam hingga berisiko mengalami berat badan berlebihan. Senaman 15 minit ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan kekerapan lima kali seminggu, manakala 15 minit lagi boleh dilakukan pada waktu petang. Ini bagi mencukupkan tempoh senaman 30 minit sehari seperti disarankan pakar kesihatan.

Dipetik dan diubahsuai daripada,
“ Bersenam 150 minit seminggu untuk kekal sihat”,
Mahani Ishak, *Berita Harian*, 11 April 2019.

ITEM KUMPULAN 3**TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

Terdapat cara-cara menjaga kesihatan diri dan keluarga.

Bincangkan.

ITEM INDIVIDU 4

TEMA: PERINDUSTRIAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Pemulihan Industri Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Negara



Pemulihan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) akan memberi dua fokus utama iaitu memanfaatkan inovasi dan pembangunan jangka panjang yang harus menerapkan prinsip-prinsip kelestarian meliputi persekitaran, sosial dan tadbir urus dalam perniagaan. PMKS harus menggunakan inovasi, digitalisasi serta penggunaan teknologi untuk mendorong agenda pemulihan. Pelbagai aktiviti menerusi e-dagang termasuklah pembayaran secara digital, pembelajaran jarak jauh, persidangan video serta perkhidmatan logistik merupakan perkara lazim dalam ekonomi hari ini yang disebabkan oleh keperluan dan peluang yang semakin meningkat. Usaha ini juga adalah bertujuan untuk membiasakan PMKS dalam era persaingan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Selain itu, kehadiran PMKS dalam talian telah meningkat dua kali ganda daripada 35.3 peratus yang dicatatkan pada tahun 2019 (pra-Covid) kepada 75.8 peratus pada tahun 2021 (pasca Covid).

Dipetik dan diubahsuai daripada,
“ Pemulihan PKMS: Inovasi dan Prinsip Kelestarian”,
Berita Harian, 7 Disember 2021.

ITEM KUMPULAN 4**TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

Terdapat langkah-langkah menyemai semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.
Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT